

# Mbeki yakin kerjasama dua negara semakin kukuh

BH 4/9/03

KUALA LUMPUR: Afrika Selatan dan Malaysia bersetuju merintis usaha menubuhkan kawasan perdagangan bebas antara negara anggota Asean serta Kesatuan Afrika (AU) yang mirip kepada Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki yakin lawatan tiga harinya ke sini menjadi asas yang baik bagi menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang baru untuk manfaat bersama.

"Lawatan kali ini menyaksikan kedua-dua negara memeterai perjanjian meningkatkan kerjasama ekonomi, sains, teknologi dan budaya serta penubuhan jawatankuasa bersama bagi melaksanakan perjanjian itu.

"Saya yakin kerjasama dua hala ini akan terus berkembang kerana kita mempunyai hubungan kerja yang baik dan perjanjian dimeterai bagi mewujudkan satu struktur rasmi mengukuhkan persefahaman ini," katanya pada taklimat media di sini, semalam.

Sejurus selepas itu, beliau menerima kunjungan hormat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengadakan pertemuan tertutup selama kira-kira setengah jam.

Mbeki yang juga Pengerusi AU, berkata dalam pertemuan dengan pemimpin Malaysia, kedua-dua negara bersetuju meningkatkan kerjasama dalam menghadapi isu antarabangsa, seperti membabitkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan keamanan di Timur Tengah.

Beliau juga berharap sebagai pengerusi baru Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Malaysia akan memainkan peranan penting

dalam memperjuangkan kepentingan negara membangun dan kurang maju.

Mbeki juga berkata, perubahan pucuk pimpinan kerajaan Malaysia pada Oktober ini tidak akan menjejaskan hubungan baik antara Kuala Lumpur dan Pretoria.

"Saya sudah lama mengenali bakal Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) iaitu sejak beliau menjadi Menteri Luar. Sudah pasti akan wujud kesinambungan dari segi hubungan, tidak akan ada sebarang perubahan," katanya.

Pemimpin Afrika Selatan itu juga berkata, negaranya berminat mengenai operasi Pusat Anti-keganasan Serantau di Kuala Lumpur dan berharap dapat mempelajari sesuatu daripada Malaysia mengenai strategi membendung keganasan.

Terdahulu, dalam forum mengenai Perkongsian Baru Bagi Pembangunan Afrika (NEPAD) di bawah AU anjuran Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Mbeki berkata, negara membangun harus bersatu menentang peraturan WTO dan Bank Dunia yang mendiskriminasi negara membangun dan negara kurang maju.

"Apa yang paling ketara adalah subsidi diberikan negara maju kepada sektor pertanian. Terdapat kebimbangan mesyuarat peringkat menteri WTO di Cancun, Mexico, minggu depan, akan gagal kerana isu ini," katanya.

Mbeki turut menyelar sebahagian negara membangun yang menyokong subsidi negara maju dalam sektor pertanian kerana ia menurunkan harga tanpa menyedari tindakan itu sebenarnya membunuh sektor pertanian mereka sendiri.

Katanya, jentera pertumbuhan ekonomi Afrika, patut mengguna pakai formula tersendiri untuk bangkit dan makmur manakala AU sendiri perlu memutuskan apa yang mereka ingin lakukan jika benar-benar mahu berjaya.

Mbeki berkata, AU mahu mengadakan 'perkongsian pintar' dan mengeratkan kerjasama dalam benua Afrika agar 54 negara di rantau itu boleh bertindak sebagai satu kumpulan untuk bangkit dan makmur bersama-sama.

Beliau berkata, konsep perkongsian pintar program NEPAD bertujuan mewujudkan suasana sesuai untuk pembangunan Afrika yang bermakna dan mapan meliputi pelbagai sektor seperti pertanian dan sumber asli, mirip kepada strategi kejayaan yang diamalkan Malaysia.